



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **233 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **11,605 kes** (66.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 14 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **660 kes baharu** telah dilaporkan hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **17,540 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 5,768 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini, Negeri Sabah masih terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 429 kes (65 peratus). Didapati semakin banyak aktiviti saringan di lapangan yang sedang giat dijalankan di sana dan lebih banyak keputusan ujian sampel telah mendapat keputusan.

Negeri Kedah pula mencatatkan sebanyak 113 kes (17.1 peratus) yang mana 109 kes adalah daripada Kluster Tembok yang melibatkan Penjara Alor Setar, Penjara Pokok Sena dan Penjara Sungai Petani, manakala Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 17 kes daripada Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara. Negeri-negeri Lembah Klang pula merangkumi 11.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Negeri Selangor mencatat 68 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 7 kes dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 1 kes.

Ingin dimaklumkan daripada 660 kes baharu yang dilaporkan, terdapat **enam (6) kes** import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara dan empat (4) bukan warganegara iaitu dari:

- Singapura (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- Indonesia (2 kes daripada saringan *sign on* kapal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Filipina (1 kes daripada saringan *sign on* kapal di Wilayah Persekutuan Labuan).

Daripada 654 kes **penularan di dalam negara**, 608 kes adalah warganegara Malaysia dan 46 kes adalah bukan warganegara.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 429 kes**
 - 197 kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 78 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - 154 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 68 kes**
 - 38 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19 termasuk tiga (3) kes dengan sejarah pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kencana**;
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) yang juga mempunyai sejarah pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 113 kes**
 - 112 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 17 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tujuh (7) kes**
 - Lima (5) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tujuh (7) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kencana**;
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Johor: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan

- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Sarawak: Tiga (3) kes**_saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).
- **Perak: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes saringan individu bergejala; dan
 - Satu (1) kes daripada Kluster Simera.
- **Melaka: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada Kluster Utama; dan
 - Satu (1) kes saringan individu bergejala.
- **Negeri Sembilan**: Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **108 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **35 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **empat (4) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **167 kes** (1.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes kematian	Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
164	11152	Sabah	Lelaki WN	80	Hospital Lahad Datu	Penyakit darah tinggi dan gout
165	17307	Sabah	Perempuan WN	63	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi dan kencing manis
166	17308	Sabah	Perempuan WN	73	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi
167	17309	Sabah	Perempuan BWN	47	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi

* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

KLUSTER BAHARU: KLUSTER KENCANA

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **satu (1) kluster baharu** telah dikenal pasti yang melibatkan daerah Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak di negeri Selangor, Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13805) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 16 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 14 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 23 individu telah

disaring, di mana:

- 17 kes dikesan positif COVID-19;
- Empat (4) individu negatif; dan
- Dua (2) individu masih menunggu keputusan.

TINDAKAN AKTIF MENGAWAL PENULARAN KES COVID-19 DALAM KELOMPOK KLUSTER-KLUSTER SEDIA ADA

Sejak beberapa hari kebelakangan ini, terdapat peningkatan jumlah kluster-kluster baharu dilaporkan terutama di Semenanjung Malaysia, di samping peningkatan kes dalam kluster-kluster yang sedia ada.

Berikutan dari peningkatan jumlah kes dan kluster yang aktif ini, terdapat beberapa daerah di Semenanjung Malaysia yang telah berubah menjadi zon kuning dan merah. Sehingga 14 Oktober 2020, sebanyak 52 daerah yang dilaporkan menjadi zon kuning dan sebanyak 19 daerah telah menjadi zon merah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pelbagai tindakan diambil Kementerian Kesihatan misalnya dengan menjalankan Active Case Detection (ACD), meneruskan aktiviti-aktiviti surveilans di klinik-klinik sentinel dan hospital-hospital, aktiviti pembersihan dan nyahkuman, serta meningkatkan ujian, pengesanan, pengasigangan dan rawatan. Dalam masa yang sama, KKM dengan kerjasama pelbagai agensi berusaha memberikan penjelasan, khidmat nasihat dan didikan kepada masyarakat agar terus membudayakan norma baharu kehidupan agar kita dapat memutuskan rantai penularan jangkitan di dalam komuniti.

Oleh itu, KKM ingin mengajak rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk terus bersatu dan bersama-sama dalam perjuangan membendung

penularan COVID-19 sebelum situasi pandemik ini menjadi lebih parah. Masyarakat, komuniti dan individual perlu berganding bahu dalam usaha ini dan bersama-sama mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Oktober 2020 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 14 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	429	5,493
SELANGOR	68	2,814
W.P. KUALA LUMPUR	12 (5)	2,804
KEDAH	113	1,852
NEGERI SEMBILAN	1	1,084
JOHOR	3	829
SARAWAK	3	755
PAHANG	0	386
PULAU PINANG	17	353
PERAK	3	322
MELAKA	2	276
KELANTAN	0	171
TERENGGANU	0	157
W.P. PUTRAJAYA	1	120
W.P. LABUAN	8 (1)	86
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	660 (6)	17,540

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(14 Oktober 2020)

Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian	
1	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Kamunting, Kubang Pasu, Pendang	109	1,443	6,682	1, 434 (12)	8	89	1
2	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	39	116	658	108 (1)	8	11	0
3	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	24	78	1,665	72 (1)	6	0	0
4	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	11	189	2,685	188 (0)	0	20	1
5	Bah Manggis	Sabah, Selangor	Tawau, Kuala Langat	10	19	565	19 (0)	0	1	0
6	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port	9	31	255	31 (1)	0	0	0

		Sembilan, Perak	Dickson, Sitiawan							
7	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	6	9	226	9 (0)	0	1	0
8	Utama	Selangor, Melaka	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah	5	27	283	27 (0)	0	5	0
9	Bina	Sabah	Beaufort & Sipitang	5	19	71	19 (0)	0	5	0
10	Tasik	Sarawak, Selangor	Miri, Petaling, Hulu Langat, Klang	4	17	248	17 (0)	0	0	0
11	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan	3	1,018	16,411	230 (1)	787	385	1
12	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur &	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Kota Bharu,	3	102	923	71 (0)	31	1	0

		Putrajaya, Pahang	Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh							
13	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Titiwangsa	3	29	398	26 (0)	3	0	0
14	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Titiwangsa, Lembah Pantai	3	29	207	28 (0)	1	0	0
15	Seri Anggerik	Selangor	Hulu Selangor	3	22	97	18 (0)	4	0	0
16	Laut	Sabah	Kunak	2	117	617	55 (0)	62	113	0
17	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	2	56	422	46 (0)	10	44	0
18	Bah Kenangan	Selangor	Hulu Langat	2	20	38	20 (0)	0	0	0
19	Bah Rose	Kedah, Pulau Pinang	Kuala Muda, Seberang Perai (U)	2	11	552	5 (0)	5	0	0
20	Kolong	Sabah	Keningau	2	10	107	10 (0)	0	4	0

21	Pulau	Sabah	Kunak, Semporna, Tawau	1	53	1,036	11 (0)	42	5	0
22	Bestari	Sabah	Sandakan	1	20	48	20 (0)	0	0	0
23	Baiduri	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Port Dickson, Cheras	1	20	45	20 (0)	0	0	0
24	Selasih	WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor, Johor, Negeri Sembilan	WP Putrajaya, Sepang, Johor Bahru, Seremban	1	19	289	14 (0)	5	0	0
25	Bah Ketil	Kedah	Baling, Langkawi	1	15	473	14 (0)	1	0	0
26	Jalan Pantai	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	1	9	319	9 (0)	0	0	0
27	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	1	6	92	2 (0)	2	1	2

*BWN = Bukan Warganegara

